

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Thursday, May 3, 2018 11:08 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zاهرuddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: SYARAHAN FELO ADJUNG SOG CERITA PERBEZAAN PILIHANRAYA MALAYSIA DAN INDONESIA



Pusat Pengajian Kerajaan
SCHOOL OF GOVERNMENT
Universiti Utara Malaysia

03 MEI 2018/ 17 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan



SOG ONLINE: Pusat Pengajian Kerajaan (SOG), UUM COLGIS telah menganjurkan Syarahan Felo Adjung bertajuk "Diskusi Partai-Partai Politik di Indonesia" pada 30 April 2018 yang lepas bertempat di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM.

Penceramah bagi sesi syarahan tersebut adalah Profesor Dr. Abdul Bari Azed yang merupakan Felo Adjung SOG dan juga merupakan alumni Ph.D bagi Universiti Utara Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman yang luas berkaitan bidang hukum (undang-undang) dan juga pentadbiran awam di Indonesia. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian di Indonesia satu ketika dahulu.

Menerusi program tersebut, semua hadirin didedahkan dengan sistem pilihanraya di Indonesia dan bagaimana seseorang perwakilan itu dilantik. Disamping itu, beliau juga memberitahu terdapat sebanyak 72 buah parti politik di Indonesia dan setiap parti politik tersebut mempunyai prinsip masing-masing. Beliau juga turut membuat perbandingan sistem pilihanraya dan perantikan seseorang ketua negara di Malaysia dan juga Indonesia.

Program tersebut telah dihadiri lebih dari 120 orang terdiri daripada pelajar dan pensyarah SOG dan turut hadir pada sesi syarahan tersebut adalah Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof. Madya Dr. Zaheruddin Othman dan Timbalan Dekan, Dr. Ahmad Zubir Ibrahim.

Program yang bermula pada pukul 10.00 pagi itu tamat pada pukul 12.00 tengahari.

HABIS.

Sekian, terima kasih.

=====

Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.